

CAPSUL PENGUNA

f d o eKPDN



MALAYSIA
Seri Salahuddin: Domestic trade ministry assures adeq...
HMM...
dak pa...
uziah
ernama
April 17, 2023

NASIONAL

BH ONLINE

**SHMMP: Tiga p...
dikompaun tak
tanda harga**

April 17, 2023 @ 3:20pm

Fuziah berkata...
komitmen m...
Domestic Seri Salah
Nirwana Gro...
survey of
Season Ma...
Raya Puas
April 15, 2...

my Metro
RASA BERITA SEJEMAK

Tiada aduan harga melampau sempena Aidilfitri

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
am@hmetro.com.my



KANDUNGAN

- 3** REDI DIPERLUAS KE NEGERI KELANTAN
- 4-5** 30 BARANG DIKAWAL SEMPENA SHMMP
- 6-7** KPDN LANCAR FOOD BANK WAKAF RAHMAH
- 8-9** PENGGUNA BIJAK, PENIAGA BERETIKA
- 10** TURUN PADANG KETUA SETIAUSAHA NEGARA BERSAMA KSU KPDN BAGI PENGURUSAN PASCA BANJIR DI PPS BATU PAHAT, JOHOR
- 11** MENGHARMONIKAN EKONOMI JADI AGENDA UTAMA KPDN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BAHAGIAN PENGUAT KUASA KPDN KE 51
- 12-13** KAMI BERTINDAK
- 14-17** LENSA



DIPERLUAS KE NEGERI KELANTAN

Kementerian meneruskan perluasan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (*Retail Digitalisation Inisiative* – ReDI) ke Kelantan. Selari dengan matlamat tersebut, seramai 50 peniaga di Bazar Ramadan RAHMAH Stadium Sultan Muhammad ke IV, Kota Bharu, Kelantan ini telah mengaplikasikan pembayaran digital tanpa tunai (*Cashless*).

Selain itu, pemberian insentif e-tunai turut diberikan kepada pengguna/ peniaga BRR ini dalam bentuk e-wallet dengan kerjasama penyedia e-wallet, BOOST tertakluk kepada 1000 orang pengguna terawal setiap minggu dan menyasarkan sehingga 6000 orang pengguna sehingga berakhir Bazar Ramadan RAHMAH.

Ianya telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak

Hidup semasa melakukan sesi walkabout sempena Majlis Pelancaran Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) Peringkat Negeri Kelantan

Sebanyak 41 lokasi sedang melaksanakan BRR di seluruh negara termasuklah 1 lokasi BRR yang dilaksanakan bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Negeri Kelantan (FAMA) di negeri Kelantan dalam menyantuni rakyat di negeri Kelantan sepanjang bulan Ramadan ini.

1 lokasi BRR di sekitar negeri Kelantan yang menyertai inisiatif ini iaitu di Bazar Ramadan RAHMAH Stadium Sultan Muhammad ke IV, Kota Bharu, Kelantan. Untuk makluman, jumlah keseluruhan peniaga yang beroperasi bagi BRR ini adalah 190 peniaga dan 78 peniaga di Bazar Ramadan ini menawarkan Menu RAHMAH.

30 BARANG DIKAWAL SEMPENA SHMMP

Bersempena Aidilfitri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengumumkan bermula pada 15 April sehingga 30 April Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Sebanyak 30 barang dipasaran telah ditetapkan. Barang ini merangkumi 6 jenis barang daripada kategori ayam dan telur di bawah Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang sedang berkuat kuasa sejak 5 Februari 2022.

Buat pengetahuan umum, SHMMP Hari Raya Puasa 2023 akan dikuatkuaskan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan membolehkan penentuan harga dibuat untuk kepentingan pengguna. Maka untuk rujukan penetapan harga maksimum yang telah diselaraskan di peringkat pemborong dan peruncit

Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

(i) Kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum:

(a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan

(b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

(ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang harga terkawal:

(a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan

(b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM 10,000.00

Senarai Barang Harga Terkawal Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2023

Daging Lembu / Kerbau

1. Daging Lembu Tempatan (Kecuali Daging Batang Pinang)
(Semenanjung sahaja)
2. Daging Lembu Import *(Sarawak sahaja)*
3. Daging Kerbau Import *(Semenanjung, Sabah & WP Labuan sahaja)*



TARIKH KUAT KUASA:
15 – 30 APRIL 2023
(16 HARI)

Hasil Laut



4. Ikan Kembung termasuk Ikan Mabung (8-12 ekor sekilogram)
5. Ikan Selayang (8-12 ekor sekilogram)
6. Ikan Aya / Tongkol (1-2 ekor sekilogram) *(Pahang, Terengganu & Kelantan sahaja)*
7. Ikan Demudok / Sagai / Cermin / Cupak *(Sabah sahaja)*



Sayuran

8. Tomato
9. Cili Merah
10. Kubis Bulat Import (*Indonesia dan China tidak termasuk Kubis Beijing*)
11. Kacang Panjang
12. Timun
13. Sawi Hijau
14. Halia Tua Import

Barang Kering

15. Bawang Besar Merah Import
16. Bawang Besar Kuning
17. Bawang Putih (*China*)
18. Bawang Kecil Merah India (*Rose*)
19. Bawang Kecil Merah India (*Biasa*)
20. Ubi Kentang Import (*China*)
21. Cili Kering Kerinting
22. Kacang Tanah
23. Kelapa Biji *(Borong)*
24. Kelapa Parut *(Runcit)*





KPDN LANCAR FOOD BANK WAKAF RAHMAH

Satu memorandum persefahaman Program Food Bank diantara IOI Properties Group Berhad dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditandatangani oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif Program Food Bank Malaysia (PFBM) yang telah dilaksanakan oleh KPDN sejak Februari 2019. Sehingga kini, PFBM menempatkan tiga belas (13) mesin retort di sepuluh (10) buah negeri yang melibatkan sektor perhotelan, katering dan pertanian termasuk Rakan Strategik Utama PFBM telah mendapat manfaat daripada inisiatif program ini.

Bagi pelaksanaan **Inisiatif Teknologi Pembungkusan Makanan Secara Retort**, sebanyak **7,566** pak makanan retort telah dimanfaatkan oleh golongan sasar dan pelajar B40 sekaligus dapat mengurangkan beban kos sara hidup pelajar di kampus.

KPDN juga telah melaksanakan Inisiatif Teknologi Pembungkusan Makanan secara Retort yang melibatkan industri perhotelan, katering dan pengeluar makanan. Sebanyak dua belas (12) buah mesin retort sedang beroperasi di sepuluh (10) lokasi terpilih di seluruh negara. Inisiatif ini disambut baik oleh ramai pihak dan membantu ramai golongan sasar khususnya mangsa bencana seperti banjir memandangkan makanan retort bersifat *ready to eat* dan ia juga amat sesuai untuk pelajar yang menetap di kolej kediaman kampus.

Sebagai usaha membantu mengurangkan pembaziran makanan dan tanda sokongan terhadap PFBM, Yayasan Wakaf Malaysia telah menyerahkan mesin retort kepada KPDN untuk ditempatkan di Hotel Marriot Putrajaya. Pembelian mesin retort ini menggunakan dana Wakaf Tunai Malaysia, yang diwakafkan oleh masyarakat kepada Yayasan Wakaf Malaysia. Bagi memelihara aset wakaf ini, Yayasan Wakaf Malaysia juga menyerahkan Tatacara Pengurusan Aset Wakaf Alih kepada KPDN untuk memastikan aset ini dapat diurus dengan baik sekaligus dapat menghasilkan lebih banyak lagi makanan, untuk dimanfaatkan kepada golongan yang memerlukan secara berterusan.

Selain itu, Kementerian telah melancarkan Program Wakaf Food Bank Rahmah, kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia 3 untuk membolehkan lebih ramai masyarakat berwakaf bagi tujuan pembelian mesin retort. Serendah RM1, sumbangan boleh dibuat dengan mengimbas QR Code DuitNow yang disediakan. Kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang giat aktif membantu melaksanakan Kementerian dalam membantu golongan sasar.





P ENGGUNA BIJAK, PENIAGA BERETIKA

Pengguna bijak boleh didefinisikan sebagai pengguna yang boleh membuat pertimbangan, bermaklumat dan bertanggungjawab dengan sebarang tindakan yang dibuat. Ini termasuklah berbelanja berdasarkan keperluan, mengikut kemampuan dan tidak keterlaluan.

Dalam erti kata lain, ianya merupakan individu yang mampu mengawal dan mengaturkan kewangan, mereka secara teratur dan stabil. Individu ini mampu membuat analisis realistik tentang perbelanjaan harian, bulanan mahupun tahunan mereka. Dalam era moden ini, pengguna bijak amatlah diperlukan dan harus diterapkan kepada generasi muda masa kini bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pengurusan wang pada masa kini.

Wang yang dibelanjakan bukan sahaja memenuhi keperluan asas kehidupan namun ia juga digunakan sebagai perbelanjaan perkahwinan, melanggan perkhidmatan secara fizikal mahupun mental.

Sebagai seorang pengguna, mereka perlu sentiasa melakukan *check and balance* bagi memerangi peniaga-peniaga yang tidak beretika. Dengan ini pengguna juga dapat memastikan hak-hak mereka dilindungi. Ini bermakna pengguna perlu mendalami ilmu kepenggunaan agar segala maklumat yang diperolehi dapat djadikan panduan. Amalan beretika merujuk kepada prinsip-prinsip bertingkah laku yang mengawal individu atau profesyen, dan sebagai satu standard tingkah laku.

Justeru itu, perniagaan yang beretika merupakan satu perkara penting yang patut diamalkan. Peniaga yang beretika adalah peniaga yang mengamalkan prinsip kemanusiaan, perasaan kasih sayang, murah hati, saling menghormati, bertimbang rasa, tolong menolong dan belas kasihan. Amalan sifat ini dapat mengelakkan berlakunya penindasan dalam perniagaan. Selain itu, ciri-ciri seperti disiplin diri, bersungguh-sungguh, sikap berinisiatif, bertanggungjawab, amanah, berakhlek dan komited terhadap kerja patut dijadikan amalan peniaga beretika.

Dewasa ini, kita dapat melihat senario peniaga yang sering terlibat dalam kes penipuan dan penyelewengan dalam perniagaan. Biasanya kes-kes tersebut melibatkan para peniaga yang menyingkirkan amalan beretika. Dalam hal ini mereka perlu berfikir panjang kerana bagi pengguna, sekali ditipu mereka akan ingat perkara tersebut selama-lamanya. Justeru, peniaga harus sedar bahawa mereka juga merupakan individu yang bergelar pengguna


KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP


Pengguna Bijak

KEPERLUAN *VS* KEHENDAK

MANA YANG UTAMA?

KEPERLUAN

KEHENDAK



Sesuatu yang diperlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti **makanan, pakaian dan tempat tinggal**



?

?

?

?



Sesuatu yang bukan utama tetapi lebih kepada citara, keselesaan, gaya hidup dan kemewahan



UTAMAKAN KEPERLUAN / BELANJALAH IKUT KEMAMPUAN

f t i o K P D N



KSN DAN KSU KPDN BERGANDING DALAM MISI PASCA BANJIR DI BATU PAHAT

YBhg Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali -Ketua Setiausaha Negara bersama Datuk Azman Bin Yusof -Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup turun padang melawat ke beberapa sekolah di sekitar Batu Pahat iaitu Sekolah Sri Sejati, Sekolah Kg Jawa dan Balai Raya Kg Parit Yusof. Kehadiran pada hari ini juga bagi melihat pelaksanaan pasukan sukarelawan penjawat awam bagi membantu pengurusan pasca banjir di kawasan terjejas.

Antara aktiviti sukarelawan yang dijalankan adalah membantu dari segi membersihkan kawasan sekolah, balai raya, masjid dan rumah-rumah penduduk.

Untuk makluman, sukarelawan penjawat awam ini telah bermula pada 21 Mac 2023 yang tertumpu di kawasan banjir sekitar Batu Pahat telah melibatkan 47 orang terdiri dari warga kerja KPDN Johor dan KPDN Putrajaya bersama agensi serta lain-lain kementerian.

Turut diadakan majlis serahan sumbangan Bakul RAHMAH yang meliputi barang makanan dan barang keperluan bagi membantu meringankan beban kepada 50 orang mangsa-mangsa banjir di lokasi PPS terpilih.



MENGHARMONIKAN EKONOMI JADI AGENDA UTAMA KPDN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BAHAGIAN PENGUAT KUASA KPDN KE 51

Tanggal 17 April merupakan tarikh istimewa bagi Bahagian Penguat Kuasa KPDN menyambut ulang tahun penubuhannya pada 17 April 1972. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab menjaga kepentingan pengguna dan memastikan kelestarian ekosistem perdagangan dalam Negara, Bahagian Penguat Kuasa merupakan tunjang utama yang menjadi nadi kepada Kementerian dalam menjayakan agenda ini.

Sempena Ulang Tahun ke 51 Bahagian Penguat Kuasa KPDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus berfungsi untuk mengharmonikan ekonomi Negara sebagai agenda utama KPDN.

Berteraskan agenda untuk mengharmonikan ekonomi, semua pihak perlu memainkan peranan menjalankan aktiviti perniagaan beretika dan mematuhi undang-undang.

Sebarang aktiviti penyelewengan dan penyeludupan terutamanya yang melibatkan barang kawalan dan bersubsidi serta lain-lain perkara yang bersifat melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan Kementerian, tindakan tegas akan diambil ke atas pihak yang terlibat. Tindakan penguatkuasaan akan terus diperkasakan bagi memastikan ketirisan subsidi dapat diatasi demi pertumbuhan ekonomi sihat dan mampar.



Selamat Menyambut
HARI PENGUAT KUASA
KEPADА SELURUH PENGUAT KUASA KPDN

17 APRIL 2023

PROFESIONAL TEGAS BERINTEGRITI

Nihilas Daripada:

KAMI BERTINDAK

1 OP TIRIS: KPDN SITA 58,351 LITER DIESEL BERSUBSIDI DI KAWASAN NELAYAN DI

MANJUNG: Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyita 58,351 liter diesel bersubsidi dalam dua operasi di kawasan nelayan di sini, semalam.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalluddin Ismail berkata, serbuan dilakukan dua pasukan KPDN Cawangan Manjung, yang dibantu anggota polis, kira-kira jam 11 pagi.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas dua premis menemui lima skid tank yang di dalamnya terdapat cecair yang disyaki

minyak diesel.

"Arahan Pengisytiharan Stok dan Mengemukakan Maklumat/Dokumen di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) telah dikeluarkan terhadap kedua-dua premis berkenaan.

"Hasilnya, mendapati premis ini tidak mempunyai lesen yang sah bagi aktiviti menjual minyak diesel secara runcit dan ini merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, seramai empat individu warga tempatan telah ditahan untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, kesemua barang dokumen dan cecair yang disyaki minyak diesel dengan anggaran sebanyak 58,351 liter telah disita.

Katanya, nilai keseluruhan barang rampasan adalah berjumlah RM96,279.15

Kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan- Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

2 KPDN TERENGGANU GERAKKAN 116 PENGUAT KUASA OP PANTAU 2023

MARANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu menggerakkan 116 pegawai dan anggota penguat kuasanya dalam Op Pantau 2023 yang bermula Khamis lepas.

Pengaruhnya Saharuddin Mohd Kia berkata mereka turut dibantu 58 pegawai pemantau harga yang akan turun ke semua lokasi termasuk bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar tani, pasar raya dan aktiviti jualan dalam talian.

"Kami telah bermula dengan Op Pantau 2023 pada hari pertama puasa dengan tumpuan di bazar Ramadan, pasar awam dan pasar tani.

"Jadi kami harapkan kerjasama daripada peniaga supaya tidak mengambil kesempatan ke atas pembeli dengan meletak harga tinggi yang boleh menyebabkan mereka didenda," katanya selepas pelancaran Bazar Ramadan Rahmah Negeri Terengganu 2023 di Binjai Rendah, di sini.



Sempena pelancaran tersebut, KPDN turut mengagihkan insentif kewangan dalam bentuk e-dompet melalui program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) kepada pengunjung Bazar Ramadan Rahmah Binjai Rendah.

Saharuddin berkata insentif sebanyak RM20 itu disediakan untuk 6,000 pengunjung terawal bagi menggalakkan mereka membuat pembelian tanpa tunai.

"Inisiatif ini hanya ditawarkan di Bazar Ramadan Rahmah Binjai Rendah setiap hujung minggu sepanjang bulan Ramadan.

3

SYARIKAT PEMBORONG MINYAK MASAK KENA DENDA RM100,000

IPOH: Sebuah syarikat pemborong minyak masak didenda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen Teluk Intan kerana gagal menyelenggara buku stok barang kawalan dan mengemukakan maklumat palsu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail, berkata syarikat itu mengaku bersalah terhadap lima pertuduhan selepas dikesan melakukan kesalahan itu ketika Operasi Ayam, Telur dan Minyak Masak (Op ATM) pada 5 Julai tahun lalu.

Beliau berkata, dalam serbuan penguat kuasa KPDN Tapah di premis syarikat itu di Jalan Perdana 7, Pusat Perniagaan Slim Perdana dekat Slim River, ia didapati gagal menyelenggara buku stok barang kawalan dengan sempurna.

"Siasatan juga mendapati premis itu disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8 (4) (b) Akta Kawalan Bekaian 1961 kerana mengemukakan maklumat palsu berhubung dokumen atau invois penjualan minyak masak yang diserahan kepada penguatkuasa," katanya.

Dalam satu kenyataan hari ini, Kamalludin turut meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti penyelewengan barang kawalan supaya melaporkan kegiatan itu.

Laporan boleh dibuat kepada KPDN melalui Whatsapp 019-279 4317 / 019-848 8000, portal aduan e-aduan.kpdn.gov.my atau menggunakan aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN termasuk menghantar emel ke e-aduan@kpdn.gov.my serta talian 1-800-886-800.



4



HARGA BARANG KEPERLUAN TERKAWAL

JOHOR BAHRU - Harga barang keperluan bagi sambutan Aidilfitri di negeri ini terkawal dan tiada kenaikan harga yang dilaporkan berlaku setakat ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KDPN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, tiada aduan yang diterima daripada pengguna berhubung pelanggaran harga di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Aidilfitri.


Jelasnya, pengguna kini mempunyai lebih banyak pilihan di bawah inisiatif Payung Rahmah apabila peruncit memperkenalkan pelbagai pakej menarik bagi sambutan Aidilfitri.

"Kita nampak peruncit dan pemain industri berminat dengan pelbagai inisiatif Payung Rahmah yang diperkenalkan sejak Disember tahun lalu.

"Malah peruncit didapati proaktif apabila menawarkan penjimatan harga terhadap 50 jenis barang berbanding 30 jenis di bawah SHMMP bermula dari 15 hingga 30 April ini," katanya.

Beliau ditemui pada majlis Jualan Rahmah Daging Import sempena Aidilfitri di pasar raya Econsave Pontian di sini pada Khamis.

Sementara itu, di PULAU PINANG, KPDN tidak menerima sebarang aduan mengenai kenaikan harga barang kawalan sejak SHMMP dilaksanakan sejak 15 April lalu.









KAPSUL PENGGUNA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62623 PUTRAJAYA,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

TERBITAN:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

